



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 7/2023  
23 JUN 2023 (4 ZULHIJJAH 1444H)**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Mesyuarat Majlis yang ketujuh pada tahun ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan bagi memastikan setiap perancangan dan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru itu, saya sangat berharap agar kerjasama ini sentiasa dipertingkatkan dalam semangat profesionalisme yang tinggi.
  
2. Untuk makluman semua, saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan merupakan elemen terpenting yang perlu

dipraktikkan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

3. Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan selaku penjawat awam, elemen integriti perlu diberi keutamaan yang tertinggi untuk diamalkan oleh setiap penjawat awam. Penerapan nilai-nilai integriti amat penting bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan dan pengurusan pentadbiran sentiasa menjalankan tugas dengan profesional, adil, amanah, integriti selain membina mutu kerja cemerlang yang luhur sekali gus membentuk pasukan yang membudayakan kerja yang berprestasi tinggi.

Sebagai PBT yang prihatin dan bertanggungjawab, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan berterusan meningkatkan kualiti perkhidmatan penyampaian dan perkhidmatan kepada masyarakat. Menerusi perancangan tahunan, pelbagai infrastruktur dan kemudahan awam akan disediakan demi kemudahan dan keselesaan masyarakat setempat. Manakala penambahbaikan sistem penyampaian dan perkhidmatan pula sentiasa dikemas kini mengikut peredaran masa dan kecanggihan teknologi maklumat.

Pembudayaan tadbir urus korporat yang cekap dan berintegriti tinggi, selain penggunaan sumber secara efektif dan holistik, dapat dicapai sekiranya pengurusan tertinggi Majlis meletakkan kecemerlangan pada kedudukan paling tinggi selari dengan visi dan misi Majlis.

Justeru, saya berharap agar seluruh kakitangan Majlis sentiasa bekerja dalam satu pasukan dan sentiasa berganding bahu dalam apa jua keadaan berpaksikan nilai-nilai murni sebagai pemangkin ke arah mutu kerja yang cemerlang dan berintegriti tinggi.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Perkembangan dunia globalisasi telah membentuk hala tuju baharu perkhidmatan awam dalam menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kepada pelanggan. Sektor awam kini berdepan dengan pelbagai cabaran ekoran perubahan persekitaran dan peningkatan ekspektasi rakyat dan komuniti perniagaan. Penyampaian perkhidmatan yang cekap, berintegriti, berkesan, dan mesra pelanggan adalah penting dalam usaha membentuk Kerajaan yang mesra rakyat menerusi pendekatan **Merakyatkan Perkhidmatan Awam**.

Kerajaan sentiasa komited dalam usaha memperkuuh dan memantapkan lagi sistem penyampaian Kerajaan. Malah, keperluan kepada transformasi, inovasi dan digitalisasi terkini dalam penyampaian perkhidmatan bukanlah lagi satu pilihan tetapi suatu kemestian. Sistem penyampaian perkhidmatan perlulah menekankan kepada matlamat untuk memenuhi kehendak dan objektif pelanggan, sama ada masyarakat umum maupun komuniti perniagaan.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan agensi barisan hadapan yang paling kerap berurusan dengan pemegang taruh seperti pemaju, peniaga dan pelabur dan masyarakat setempat. Justeru, perkhidmatan PBT perlu dilihat sentiasa terkehadapan, relevan dan sentiasa menjadi penanda aras kecekapan dan prestasi perkhidmatan Kerajaan. Penggunaan teknologi dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan PBT merupakan usaha dan iltizam Kerajaan dalam memastikan hasrat dan agenda untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat menjadi realiti.

Kita yang berkhidmat di PBT juga perlulah memainkan peranan yang amat penting dalam pentadbiran Kerajaan, kerana imej sesebuah PBT turut menggambarkan imej Kerajaan. Sebagai agensi barisan hadapan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya mempunyai impak langsung kepada kualiti hidup rakyat dengan memberikan mutu perkhidmatan yang cemerlang.

Justeru, inovasi dan kreativiti hendaklah sentiasa menjadi budaya kerja MBPJ agar usaha-usaha untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Ia amat penting bagi PBT menambah nilai modal insan dan memperkasa tadbir urus organisasi.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

5. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memperuntukkan sebanyak RM 600,000.00 bagi program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) pada tahun ini. Sebanyak 132 permohonan daripada RA, RT, JMB dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung telah diluluskan bagi membolehkan setiap organisasi yang layak menerima insentif sebanyak RM 3,000.00.

Peruntukan ini sebagai tanda sokongan MBPJ di dalam aktiviti pencegahan jenayah seterusnya menggalakkan lagi RA/RT dan JMB untuk memohon insentif keselamatan kejiranan serta meningkatkan jumlah anggota sukarelawan rondaan keselamatan dikalangan masyarakat setempat selain mempromosikan program PKKPJ kepada penduduk Petaling Jaya.

Penubuhan PKKPJ adalah bertujuan untuk mewujudkan suasana kejiranan setempat yang selamat dengan menggalakkan penglibatan Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dalam program-program serta peka dengan isu-isu keselamatan. MBPJ juga merupakan Pihak Berkuasa Tempatan pertama yang mewujudkan program keselamatan ini.

Majlis juga telah menyediakan pelan strategik PJSSR 2030 yang merupakan nadi utama pembangunan Petaling Jaya di masa hadapan. Hasrat ini telah diterjemahkan melalui penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) dan 10 *thematic* yang menjadi fokus utama di dalam setiap aspek perancangan pembangunan bandar.

Antara fokus yang perlu dititikberatkan adalah berkaitan program bandar selamat atau *Safe & Resilient City* yang menjanjikan persekitaran yang selamat untuk penduduk Petaling Jaya.

Program PKKPJ ini dilaksanakan secara ‘*bottom-up*’ iaitu melalui proses usahasama dan penyertaan masyarakat Petaling Jaya melalui proses perancangan dan pembangunan. Hal ini juga merangkumi pelbagai aspek keselamatan secara holistik, bukan sahaja untuk menangani ancaman dan mengurangkan kadar jenayah semata-mata, malah ia juga mengambil kira aspek keselamatan persekitaran di kawasan kejiranan.

Majlis turut merangka pelbagai inisiatif ke arah merealisasikan usaha mewujudkan kejiranan selamat melalui penglibatan penduduk dalam ‘*community policing*’ bagi mempertingkatkan dan memperkasakan lagi PKKPJ ini. Sumbangan PKKPJ ini di harap dapat membantu mengurangkan beban RA/RT dan JMB di dalam membanteras dan mencegah jenayah di kawasan kejiranan masing-masing.

Ke arah era digitalisasi dan bandar raya pintar, semua permohonan adalah secara atas talian melalui pautan <http://pkkpj.mbpj.gov.my/login.html>. Permohonan yang diterima akan disenarai pendek oleh pihak urusetia dan melalui proses sokongan daripada Ahli Majlis kawasan serta pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya. Selain itu, ia juga dapat memudahkan pemohon untuk menguruskan peruntukan dana dan menyemak pengesahan status permohonan dan kemasukan peruntukan dana ke akaun dengan pantas.

Majlis juga sedang mengkaji untuk melaksanakan *rebranding* pada tahun hadapan bagi membantu komuniti dalam melaksanakan program yang telah dirancang iaitu dengan melaksanakan penambahbaikan beberapa aspek termasuklah penjenamaan semula nama program, kriteria permohonan, tatacara permohonan, kaedah permohonan dan lain-lain yang berkaitan pasukan keselamatan kejiranan Petaling Jaya ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Menurut laporan krisis global 2023, terdapat tiga krisis global utama iaitu **perubahan iklim, bencana alam dan cuaca ekstrem** sekiranya tidak ditangani secara bersama oleh agensi Kerajaan dan penduduk dunia akan menyebabkan pemanasan global secara berterusan dan dijangka ekologi hancur dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Senario global yang berlaku pada masa ini memberi gambaran yang jelas dan membuktikan bahawa betapa perlunya perancangan, strategi dan garis panduan khusus untuk menghadapinya.

Bagi menghadapi perubahan ekologi ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menghasilkan Pelan Induk Lanskap Petaling Jaya (PiLAN PJ). Untuk makluman semua, buku ini akan menjadi rujukan utama bagi semua pemegang taruh dalam merancang dan melaksanakan projek pembangunan di Petaling Jaya. Dengan adanya garis panduan ini, kita dapat memastikan bahawa pembangunan landskap di bandar raya kita sejajar dengan

matlamat pembangunan mampan dan memelihara keindahan alam semula jadi.

Penghasilan buku ini juga merupakan sebuah manifestasi kesungguhan Majlis dan semua pihak berkepentingan dalam menghasilkan persekitaran yang indah, selesa, selamat, dan sejahtera berdasarkan kepada 17 agenda *Sustainable Development Goals* (SDG 17) dan 10 *thematic project Petaling Jaya Smart, Sustainable & Resilient 2030* (PJSSR 2030).

PiLAN PJ merupakan satu dokumen pernyataan bertulis yang mengandungi perancangan landskap dan pelan tindakan jangka panjang secara inklusif di Petaling Jaya untuk jangka masa lima (5) tahun akan datang. Ia menggariskan cadangan dalam bentuk dasar, strategi, kaedah kawalan, garis panduan pelaksanaan dan cadangan projek landskap yang sesuai untuk pembangunan di Petaling Jaya.

Melalui proses semakan semula Pelan Induk Landskap Petaling Jaya sedia ada yang telah tamat tempoh, Majlis telah membuat penambahbaikan terhadap garis panduan dan dasar baharu sehingga terhasilnya PiLAN PJ yang terdiri daripada dua (2) jilid utama.

**Jilid Pertama** merangkumi pelan induk landskap Petaling Jaya 2030 yang memfokuskan kepada strategi pembangunan 13 blok perancangan landskap, penetapan matlamat, dan pelan tindakan untuk pembangunan landskap. Manakala **Jilid Kedua** pula dilengkapi dengan garis panduan landskap yang memberikan

tatacara kawalan pembangunan, manual pengurusan dan penyelenggaraan landskap, serta panduan dalam mereka bentuk taman rekreasi. Sebagai satu panduan, buku ini merumuskan empat (4) perkara berkenaan kepentingan dalam hala tuju pembangunan landskap di Petaling Jaya pada masa hadapan iaitu:

- a) Memberikan panduan yang jelas dan menyeluruh kepada sektor pembangunan di Petaling Jaya.
- b) Memperkuatkan industri landskap di Petaling Jaya.
- c) Memperkuatkan perlindungan alam sekitar dan kepelbagaiannya biodiversiti di Petaling Jaya
- d) Mencapai kemampunan dan keharmonian dalam pembangunan di Petaling Jaya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,**

7. Selaras dengan membudayakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menghantar 34 orang kakitangan bagi menjalani kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Kumpulan ini akan ditugaskan bagi menjalankan pemeriksaan keselamatan serta mengeluarkan laporan keselamatan di tempat bekerja seperti kolam renang Majlis, dewan-dewan, perpustakaan dan bangunan Majlis yang lain.

Melalui kaedah ini, Majlis percaya bahawa peranan menjaga keselamatan pekerja, pengunjung dan aset Majlis juga dapat dipertingkatkan melalui peranan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini. Melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (pindaan) 2022, Seksyen 29A, lantikan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini juga bertindak sebagai penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Melihat kepada kepentingan dalam mewujudkan bandar yang selamat, Majlis telah menandatangani memorandum persefahaman bersama Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat. Memorandum ini akan memberikan lonjakan perancangan Majlis dalam meningkatkan keselamatan jalan raya dan keselamatan komuniti. Mengambil kira keadaan situasi semasa di Petaling Jaya, keselamatan jalan raya dan komuniti adalah saling berkait.

Peningkatan kenderaan di kawasan kejiranan akan meningkatkan risiko keselamatan dikawasan kejiranan. Dengan memorandum persefahaman ini, Majlis akan mengkaji dan mencari solusi bagi menjayakan visi petaling jaya sebagai bandar raya yang selamat untuk semua. Sebagai info, sehingga Mei 2023, Majlis telah merekodkan jumlah jam bekerja terkumpul tanpa kemalangan sejumlah 1,587,424 jam. Ini bermakna, tiada insiden berlaku kemalangan pekerjaan yang dilaporkan sehingga hari ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,**

8. Saban tahun, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menyambut sambutan Hari Perisytiharan Bandar Raya pada setiap tanggal 20 Jun. Detik dan waktu ketika diisyiharkan status bandar raya masih kekal dan segar di minda masyarakat Petaling Jaya.

Seiring dengan kepesatan pembangunan global dan arus kemodenan, MBPJ terus bergerak maju kehadapan. Pelbagai anugerah, kejayaan dan pengiktirafan diterima dan diraih sama ada dari dalam negara maupun peringkat global menjadi mercu tanda aras kecemerlangan bahawa Majlis kekal fokus dan berilitizam untuk membangunkan bandar raya Petaling Jaya sebagai bandar raya pintar dan berdaya tahan.

Selama 16 tahun memegang status bandar raya, pelbagai cabaran dan rintangan telah ditempuh dalam usaha menjayakan misi dalam Melaksanakan Agenda Perbandaran Pintar, Mampan, Berdaya Tahan, Dinamik Menerusi Tadbir Urus Cekap, Berkesan dan Peduli Komuniti selaras dengan pelan strategik PJSSR 2030, *PJ Smart, Sustainbale and Resilience 2030*.

Kini telah memasuki tahun ke-17 menggalas gelaran tersebut, Majlis Bandaraya Petaling Jaya tekad untuk terus komited dalam menyediakan dan menawarkan perkhidmatan terbaik serta pembangunan mampan dalam memenuhi aspirasi penduduk setempat yang tinggi.

Tema “**PJ Love U**” diangkat sebagai tema sambutan untuk edisi kali ni yang menggambarkan dan menunjukkan Petaling Jaya sangat menghargai semua warganya.

Ke arah itu, Majlis komited dan sentiasa memfokuskan kepentingan dan kesejahteraan masyarakat termasuk perkhidmatan dari segi pengurusan seperti sisa pepejal, perkhidmatan kebersihan, keindahan dan kelestarian landskap, penyediaan kemudahan dan infrastruktur awam selain keharmonian komuniti dan kejiranan melalui platform Majlis Perwakilan Penduduk, rukun tetangga dan persatuan penduduk.

Dalam usaha menjadikan Petaling Jaya ke arah menjadi bandar raya lebih sejahtera, makmur dan berdayahuni, bermula 2 Jun 2023, pelbagai program dan aktiviti telah dirangka dan disediakan seperti program berbentuk jualan dan pameran, pertandingan dan kejohanan, sumbangan dan perkhidmatan percuma yang ditawarkan.

Oleh yang demikian, saya menyemput orang ramai bersama-sama dalam memeriahkan lagi sambutan yang diadakan ini dengan menghadiri majlis perasmian yang akan berlangsung esok (24 Jun 2023) bertempat di Laman MBPJ jam 8 malam dan pada kesokan harinya pula pelbagai program yang telah di atur dan program PJ Berselawat akan menutup tirai sambutan ulang tahun bandaraya pada tahun ini. Jumpa nanti.

**Sekian, terima kasih.**